

Insiden letupan paip gas Putra Heights

8 dilantik semak laporan siasatan

Shah Alam: Kerajaan Selangor melantik lapan individu sebagai ahli Jawatankuasa Bebas bagi menyemak laporan siasatan insiden letupan saluran gas di Putra Heights, Subang Jaya pada 1 April lalu.

Jawatankuasa berkenaan dipengerusikan oleh Felo Penyelidik Kanan Pusat Pencegahan dan Kesiapsiagaan Bencana (DPPC) Malaysia-Japan International Institute of Technology, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Dr Khamarrul Azahari Razak.

EXCO Pengurusan Bencana negeri, Mohd Najwan Halimi berkata, ahli lain ialah Pengarah IKRAM Works Sdn Bhd, Datuk Mohd Taufik Haron; Pensyarah Jabatan Kejuruteraan Kimia dan Alam Sekitar, Fakulti Kejurute-

raan, Universiti Putra Malaysia, Profesor Madya Dr Mohd Zahirasri Mohd Tohir dan Pengarah Urusan Geo Mag Engineering, Dr Mohamad Anuri Ghazali.

Yang lain ialah Timbalan Pengerusi Persatuan Jurutera Malaysia (BEM), Muhamad Her Jantan; Naib Presiden, Pertubuhan Perancangan Malaysia, Abdul Hamid Akub; Ahli Geofizik Kanan UGEOSolutions Sdn Bhd, Juzaili Azmi dan Pengurus Tugas Khas, Pejabat Pengarah Eksekutif (EDO), Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan (NIOSH), Shahronizam Noordin.

Mohd Najwan berkata, penubuhan jawatankuasa itu selaras komitmen kerajaan negeri bagi memastikan ketelusan, keber-tanggungjawaban serta kesela-

matan awam sentiasa menjadi keutamaan dalam menangani sebarang insiden membabitkan infrastruktur kritikal.

Menurutnya, jawatankuasa berkenaan dianggotai oleh pakar teknikal, ahli akademik dan profesional dalam industri berkaitan, tetapi tidak mempunyai sebarang kepentingan dengan pihak yang terbabit secara langsung dalam insiden ini.

“Pelantikan ini juga mendapat kelulusan ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) dan memulakan siasatan serta-merta selama satu atau dua bulan sehingga pelaporan siasatan Jawatankuasa Bebas ini lengkap dan siap sepenuhnya,” katanya pada majlis penyerahan surat perantikan di sini, semalam.